

SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN KEDAH DARUL AMAN

SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN telah bermula dengan **Sesi Pembentangan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan KDNK 2021, Negeri Kedah kepada Penjawat Awam Negeri Kedah** pada 17 Julai 2022 (Ahad) di Dewan Besar Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Jitra, Kedah. Sesi ini telah dihadiri seramai 334 orang penjawat awam di Negeri Kedah.

DOSM turut mempromosikan aplikasi terkini iaitu dashboard **KAWASANKU** yang memaparkan statistik kependudukan dan indikator demografi serta sosioekonomi peringkat *granular* yang boleh menjadi nadi kepada perancangan lebih khusus dan spesifik mengikut bidang fokus di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Inisiatif DOSM membangunkan KAWASANKU bertujuan meluaskan dan menggalakkan pengguna mengakses data dalam bentuk *machine-readable format* seperti yang dilaksanakan menerusi *OpenDOSM*.





SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN diteruskan dengan **Sesi Literasi Data Banci Malaysia 2020 Bersama Komuniti Kariah Paya Kelubi, Pendang** dan turut diadakan program **Pelancaran Sudut Statistik di Masjid Jame' Ar-Rahman, Pendang** pada hari yang sama. Sesi ini bertujuan untuk memperkasakan komunikasi dan literasi statistik bersama komuniti setempat disamping merakytakan statistik.

Berdasarkan Laporan Banci Malaysia 2020; **Daerah Pendang merekodkan jumlah penduduk seramai 98,922 orang** iaitu 53.0% adalah penduduk lelaki (52,476 orang) dan 46.9% (46,446 orang) adalah penduduk perempuan.

SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN mendapat liputan sidang media melalui **Sesi Journalist Negeri Kedah Bersama YBhg. Dato' Sri Ketua Perangkawan** pada 18 Julai 2022 di Alor Setar, Kedah.

Sesi pembentangan kepada media turut memfokuskan kepada prestasi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Kedah, tahun 2021 dan Penemuan Banci Penduduk 2020. Negeri Kedah memasuki kategori negeri menua merupakan antara input yang diketengahkan dalam sesi tersebut.



SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN Sesi Kunjungan Hormat kepada YAB Dato' Sri Haji Muhammad Sanusi Bin Md Nor, Menteri Besar Negeri Kedah di Pejabat Menteri Besar Kedah, Wisma Darulaman turut diadakan pada 18 Julai 2022.

Sesi ini diadakan bagi membentangkan terlebih dahulu Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan KDNK Negeri Kedah, 2021 sebelum pembentangan bersama ADUN yang dijadualkan pada sebelah petang pada hari yang sama.



SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN berakhir dengan **Sesi Pembentangan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan KDNK 2021, Negeri Kedah kepada Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen** di Bilik Gerakan SUK, Wisma Darulaman. Sesi ini dipengerusikan oleh YB Dato' Haji Juhari bin Bulat, Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah.

Sesi ini telah dihadiri seramai 37 orang Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen. Ia merupakan platform terbaik untuk meliterasikan statistik kepada wakil rakyat agar statistik dapat dimanfaatkan demi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.



SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN PETIKAN UCAPAN

“
 Pengumpulan data berskala besar merupakan pelaburan jangka panjang seperti profil penduduk dan disusun serta ditambahbaik dari masa ke masa. Data dikumpul dari rakyat dan dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pelaksanaan dasar dan perancangan negara.
 ”

Petikan dari Perbahasan Persembahan Bandu Malaysia 2020 dan KEMK 2021, Negeri Kedah kepada Perbahasan Awam di Dewan Besar, Institut Persekitaran Gunung (IPG), Kampus Denduran, Jitra, Kedah pada 17 Julai 2022.

YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHEDIN
 Ketua Pergerakan Pemuda

“
 Cabaran dunia digital bukannya semata-mata pekerjaan manusia diambil alih oleh mesin dan teknologi robotik. Cabaran utama terkini ialah industri-industri yang sedia ada seperti bidang pertanian, pembinaan, penternakan, perkilangan, perkhidmatan dan sebagainya amat memerlukan maklumat yang berkualiti dan senang diakses secara sistematik untuk membuat perancangan dan mengharungi perubahan teknologi maklumat di sektor industri masing-masing.
 ”

Petikan dari Perbahasan Persembahan Bandu Malaysia 2020 dan KEMK 2021, Negeri Kedah kepada Perbahasan Awam di Dewan Besar, Institut Persekitaran Gunung (IPG), Kampus Denduran, Jitra, Kedah pada 17 Julai 2022.

YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHEDIN
 Ketua Pergerakan Pemuda

“
 Banci 2020 menunjukkan peningkatan bilangan warga tua; justeru, kerajaan perlu memberi perhatian kepada kesejahteraan dan kesejahteraan mereka melalui program-program komuniti yang dilaksanakan dengan menitikberatkan fasiliti kesihatan dan keselamatan.
 ”

Petikan dari Siri Ucapan Duta Banci Malaysia 2020 dan Perbahasan Sesi-Sesi Negeri di Majlis Jawi, Ra-Rahman, Kuala Negeri Kedah, Perangsong Kandang pada 17 Julai 2022.

YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHEDIN
 Ketua Pergerakan Pemuda

“
 Statistik umpama kayu pengukur kepada isu permasalahan sosial, alam sekitar, demografi dan ekonomi dengan menggunakan instrument standard antarabangsa.
 ”

Petikan dari Siri Ucapan Duta Banci Malaysia 2020 dan Perbahasan Sesi-Sesi Negeri di Majlis Jawi, Ra-Rahman, Kuala Negeri Kedah, Perangsong Kandang pada 17 Julai 2022.

YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHEDIN
 Ketua Pergerakan Pemuda

“
 Mengeluarkan statistik saja tidak mencukupi tetapi perlu melihat bagaimana statistik itu akan memberi manfaat kepada rakyat. Statistik disampaikan melalui proses pengubalan dasar, pelaksanaan program oleh institusi dengan menggunakan sumber negara secara berkesan. Statistik boleh diumpamakan sebagai neraca penghubung.
 ”

Petikan dari Perbahasan Persembahan Bandu Malaysia 2020 dan KEMK 2021, Negeri Kedah kepada Perbahasan Awam di Dewan Besar, Institut Persekitaran Gunung (IPG), Kampus Denduran, Jitra, Kedah pada 17 Julai 2022.


YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHEDIN
 Ketua Pergerakan Pemuda

“
 Jangka suhu boleh menentukan tahap kesihatan kita sama ada serius atau tidak dan statistik merupakan alat untuk mengukur kualiti hidup dan dapat memberi pelbagai maklumat tentang apa yang berlaku dalam konteks sosial, demografi dan ekonomi negara.
 ”

Petikan dari Perbahasan Persembahan Bandu Malaysia 2020 dan KEMK 2021, Negeri Kedah kepada Perbahasan Awam di Dewan Besar, Institut Persekitaran Gunung (IPG), Kampus Denduran, Jitra, Kedah pada 17 Julai 2022.

YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHEDIN
 Ketua Pergerakan Pemuda

SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN LIPUTAN MEDIA



PENERBITAN STATISTIK SUBNASIONAL PARLIMEN NEGERI KEDAH



PENERBITAN STATISTIK SUBNASIONAL PARLIMEN NEGERI KEDAH



PENERBITAN STATISTIK SUBNASIONAL DUN NEGERI KEDAH



PENERBITAN STATISTIK SUBNASIONAL DUN NEGERI KEDAH

SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN SEKALUNG PENGHARGAAN



**YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SERI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR**
MENTERI BESAR NEGERI KEDAH



YANG BERHORMAT DATO' HAJI JUHAIRI BIN BULAT
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH



ENCIK MUHAMAD MAHAZI BIN HAJI IBRAHIM
PENGARAH
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS DARULAMAN, JITRA,
KEDAH**



**AHLI JAWATANKUASA
MASJID JAME' AR-RAHMAN,
PENDANG, KEDAH**

